

09/01/2000

Laksana proses pulihkan perpaduan: Kit Siang

PUTRAJAYA: Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, meminta kerajaan melaksanakan proses pemulihan semula perpaduan rakyat yang terjejas teruk sejak dua tahun lalu dan memulakan langkah itu dengan menarik balik semua dakwaan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, negara ini perlu melaksanakan proses pemulihan secepat mungkin kerana terlalu banyak kerosakan yang berlaku terutama ketika menghadapi pilihan raya umum baru lalu.

"Dan mungkin langkah terbaik untuk memulakan proses pemulihan itu ialah dengan kerajaan menarik balik semua dakwaan terhadap Anwar Ibrahim, membebaskan beliau dengan ikat jamin sementara menunggu rayuan (terhadap dakwaannya) dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di sini, semalam.

Lim berkata, perpecahan berlaku di kalangan rakyat terutama pada pilihan raya umum lalu, perlu dipulihkan untuk memastikan rakyat kembali hidup bermuafakat.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah membentuk satu `suruhanjaya alaf baru' yang boleh menjadi gelanggang kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan pegangan politik bagi mencapai satu kesepakatan baru untuk Malaysia pada abad ke-21 ini," katanya.

(END)